



# Apabila orang cerdik tertipu

Sejak kebelakangan ini masyarakat dikejutkan dengan banyak kes jenayah yang menjadikan wanita sebagai mangsa dan kumpulan sasaran baik oleh individu mahupun sindiket terancang. Senario ini menimbulkan tanda tanya apakah pada zaman yang serba canggih ini wanita masih lemah dan mudah terpedaya ataupun kawalan keselamatan terhadap golongan ini belum mantap sepenuhnya?

Sebut saja kes Macau Scam, keldai dadah, insiden ugutan sebar gambar bogel, kejadian dirogol oleh kenalan media sosial dan macam-macam lagi hampir semuanya membuktikan wanita negara ini terus menjadi sasaran mudah kumpulan penjenayah baik tempatan mahupun antarabangsa. Semua laporan yang didedahkan pihak berkuasa dan media selama ini berkaitan kes seperti ini juga menunjukkan wanita kelihatan cukup mudah terpedaya dengan taktik licik penjenayah.

Insiden ugutan gambar bogel misalnya, mana mungkin kejadian seperti ini boleh berlaku andai wanita terbabit tidak menyerahkan gambar itu sebelum ini. Akibat terlalu percaya dan taasub dengan cinta palsu mereka serahkan segala-segalanya walaupun tanpa jaminan mahupun ikatan yang sah. Lebih dahsyat lagi apabila mereka sanggup serah gambar yang mengaibkan diri sendiri kepada lelaki yang tidak pernah jumpa dan baru dikenali. Ini akhirnya makan diri dan dijadikan senjata ugutan oleh penjenayah terbabit. Bak kata pepatah menyesal dahulu ada pendapatan, menyesal kemudian tiada gunanya.

Begitu juga halnya dengan sindiket Macau Scam, akibat tamak dan mahu cepat kaya ataupun terlalu percaya dengan panggilan yang dibuat penyamar yang biasanya menyamar sebagai polis atau pihak berkuasa yang lain akhirnya habis hilang segala harta dan wang simpanan. Kadangkala kita seperti amat sukar untuk mempercayai sesuatu kejadian seperti yang dilaporkan kerana misalnya ada yang sanggup memindahkan wang bukan sekali, tetapi beberapa kali kepada individu sama yang langsung tidak dikenali dan akhirnya berputih mata begitu saja.

Walaupun jalan ceritanya kelihatan agak tidak logik dan tidak masuk akal namun itu realiti yang berlaku dalam masyarakat kita. Mahu tidak mahu statistik membuktikan perkara ini apabila kejadian seumpama ini terus meningkat dengan bilangan mangsa yang terus bertambah, sekali gus mula mencengkam kehidupan masyarakat kita terutama wanita. Itu belum lagi kes menjadi keldai dadah sehingga

meringkuk di penjara di luar negara serta keluar waktu tengah malam untuk berjumpa teman lelaki yang baru dikenali di media sosial sehingga menjadi mangsa rogol beramai-ramai.

Jadi, kita perlu sama-sama berganding bahu menyelesaikan masalah ini kerana harus diingat ini bukan masalah wanita semata-mata, tetapi masalah kita semua. Hal ini kerana di samping kita berharap wanita akan ambil iktibar dan belajar daripada kesilapan, lelaki juga perlu bertanggungjawab dengan bertindak sebagai benteng dan pelindung wanita. Malah masyarakat dan pihak berkuasa juga ada fungsi dan peranan masing-masing. Ringkasnya, kita perlu tutup segala ruang dan peluang yang ada supaya tidak ada lagi penjenayah yang mengambil kesempatan ke atas wanita kita.

Dalam usaha menangani masalah jenayah tersasar ke atas wanita ini orang yang paling penting dalam menjayakan misi ini ialah individu wanita itu sendiri. Sebelum kita bincangkan peranan pihak lain, kita perlu jelas dengan peranan wanita iaitu tanggungjawab ke atas keselamatan diri. Ironinya bila kita meneliti latar belakang setiap mangsa kebanyakan mereka adalah golongan profesional dan cerdik pandai dengan pelbagai kedudukan kejaya yang hebat. Jadi kita sangat berharap golongan ini akan menggunakan kecerdikan



akal mereka dalam menilai sesuatu situasi dengan waras dan matang. Tidak wajar orang yang cerdik mudah ditipu atau diperdaya begitu saja. Sepatutnya kita siasat latar belakang lelaki yang baru kita kenali dan tidak bertindak terlalu melulu sehingga buka ruang untuk mereka mengambil kesempatan ke atas diri kita.

Ringkasnya jangan percaya semua panggilan telefon yang mencurigakan, jangan sama sekali serah gambar bogel, jangan dedahkan nombor akaun dan jangan pindahkan duit kepada orang yang baru dikenali atas apa sebab sekalipun. Bagi sesetengah

wanita kita yang kemaruk dengan cinta lelaki luar negara, penulis ingin berpesan hati-hatilah dengan cinta palsu mereka ini. Kebiasaannya mereka ada muslihat dan bukan jujur dalam perhubungan itu.

Dalam pada itu kita juga berharap kaum keluarga terutama lelaki akan sama-sama membantu menangani isu ini. Jadi pelindung kepada wanita kita. Mangsa ini boleh jadi ibu, isteri, kakak mahupun adik kita jadi jangan biarkan mereka diperdaya begitu saja. Ibu bapa khususnya boleh memainkan peranan yang besar dengan selalu mengingatkan dan menasihati anak-anak. Perhatikan segala gerak-geri anak kita termasuk di media sosial serta ambil tahu mengenai kawan mereka.

Kes remaja wanita dirogol kenalan media sosial yang sering dilaporkan mutakhir ini misalnya wajar dijadikan iktibar oleh ibu bapa. Hal ini kerana modus operandi menunjukkan anak gadis yang menjadi mangsa begini biasanya akan keluar bertemu teman lelaki media sosialnya sebelum berakhir dengan tragedi malang seperti ini. Jadi sebagai ibu bapa kita patut kawal pergerakan anak lagi-lagi kalau anak kita keluar pada waktu malam untuk berjumpa lelaki yang tidak dikenali. Jadi, banyak yang boleh kita lakukan untuk melindungi wanita daripada terus menjadi mangsa keadaan. Maka bertindak

dengan segera sebelum nasi menjadi bubur. Mencegah lebih baik daripada mengubati.

Masyarakat pula boleh membantu dengan cara segera membuat laporan kepada pihak berkuasa jika jadi mangsa mahupun tahu aktiviti yang mencurigakan seperti Macau Scam. Kita percaya masih ramai yang pernah menjadi mangsa pelbagai jenayah seperti ini belum tampil ke hadapan untuk membuat laporan mungkin kerana malu ataupun takut. Jadi kita mohon kepada kelompok ini segera tampil dan buat aduan supaya pihak berkuasa siasat segera serta boleh halang orang lain menjadi mangsa seterusnya. Sudah tentu dalam aktiviti jenayah seperti ini kita sangat menuntut keprihatinan pihak berkuasa untuk segera menghidu gerak-geri dan taktik licik penjenayah seperti ini. Tangkap dan dakwa mereka dengan segera sebelum mereka mencari mangsa baru.

Semoga pendedahan demi pendedahan yang dibuat pihak berkuasa dan media menjadi iktibar supaya masyarakat kita terutama wanita lebih berhati-hati selepas ini. Cukup-cukuplah segala kerugian dan kekecewaan yang berlaku, kita tidak mahu ada lagi wanita negara ini terus diperdaya dan menjadi mangsa seperti ini.

**Penulis Timbalan Pendaftar  
Fakulti Kejuruteraan UPM**